

---

# INTERAKSI ANTARA KEPUASAN KERJA, KUALITI HIDUP DAN KESIHATAN MENTAL SEBAGAI PERAMAL KEPADA PRESTASI AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN MEMBAKUT II SEMASA PANDEMIK COVID-19

\*Zeliha Hj Mohamad Ali<sup>1</sup>, Azizi Yahaya<sup>3</sup>, Pg Razmahayati Pg Hj Mahmud<sup>2</sup>, Laila Wati Madlan<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien, Brunei Darussalam

<sup>2</sup>Institusi Penjara Wanita, Jerudong

<sup>3</sup>Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

\*Emel Koresponden: lihaali6.Za@gmail.com

*Received date: 10 March 2023; Accepted date: 29 June 2023*

**Abstract:** The spread of the COVID-19 epidemic has caused a number of negative impacts such as in terms of mental and physical health issues, performance instability especially among school and university students, job dissatisfaction in doing tasks and completing tasks according to the requirements and time set as well as a decrease in quality live as long as this pandemic happens continuously. Among the objectives of this study is to identify gender and area of residence as not a factor in the interaction of job satisfaction, quality of life, mental health, and academic performance. Second, the study identified the factors of job satisfaction, quality of life, and mental health as predictors of academic performance at the Membakut II National School during the covid-19 pandemic. The selection of the sample for this study uses a random sampling method involving 225 respondents among students from grades one to six at Membakut II Secondary School. The research design is using quantitative methods. The instrument of this study is to use a questionnaire distributed through the Whatsapp application in the form of a Google Form Survey. Data were collected and analyzed using Statistical Package for The Social Science software version 26 (SPSS 26.0) using 2-way manova and multiple regression. This study found that Gender and place of residence are not factors in job satisfaction, quality of life, mental health, and academic performance among Membakut II Middle School students during the Covid-19 pandemic. In addition, the regression analysis found that the factors of job satisfaction, quality of life, and mental health are not predictors of academic performance at Sekolah Kebangsaan Membakut II during the covid-19 pandemic

recorded as much as  $0.17 = p < 0.00$  and  $F (3.221) = 9.137$ . The results of this study need to be emphasized as a guide to ensure that students get satisfaction in terms of work, especially in order to improve academic performance with better quality and maintain physical and mental health during the COVID-19 Pandemic.

**Keywords:** Job Satisfaction, Quality of Life, Mental Health, Academic Performance, Covid 19

**Abstrak:** Penularan wabak COVID-19 ini menyebabkan wujudnya beberapa impak yang negatif seperti dari segi isu kesihatan mental dan fizikal, ketidakstabilan prestasi terutamanya pelajar-pelajar sekolah dan universiti, ketidakpuasan kerja dalam melakukan tugas dan menyelesaikan tugas mengikut kehendak dan masa yang ditetapkan serta penurunan kualiti hidup sepanjang pandemik ini berlaku secara berterusan. Antara objektif kajian ini ini bertujuan untuk mengenalpasti jantina dan kawasan tempat tinggal bukan merupakan faktor terhadap interaksi kepuasan kerja, kualiti hidup, kesihatan mental dan prestasi akademik. Kedua, kajian mengenalpasti faktor kepuasan kerja, kualiti hidup dan kesihatan mental merupakan peramal kepada prestasi akademik di Sekolah Kebangsaan Membakut II semasa pandemik covid-19. Pemilihan sampel kajian ini menggunakan kaedah persempelan secara rawak yang melibatkan 225 orang responden di kalangan pelajar tingkatan satu hingga enam di Sekolah Menengah Membakut II. Reka bentuk kajian adalah menggunakan kaedah kuantitatif. Instrumen kajian ini ialah menggunakan soal selidik dan diedarkan melalui aplikasi *Whatsapp* dalam bentuk Google Form Survey. Data dikumpul dan telah dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for The Social Science versi 26 (SPSS 26.0) menggunakan manova 2 hala dan regresi berganda. Kajian ini mendapat bahawa Jantina dan tempat tinggal bukan merupakan faktor kepada kepuasan kerja, kualiti hidup, kesihatan mental dan prestasi akademik di kalangan pelajar Sekolah Menengah Membakut II semasa pandemik Covid-19. Selain itu, analisis regressi mendapat faktor kepuasan kerja, kualiti hidup dan kesihatan mental merupakan bukan peramal terhadap prestasi akademik di Sekolah Kebangsaan Membakut II semasa pandemik covid-19 mencatatkan sebanyak  $0.17 = p < 0.00$  dan  $F (3.221) = 9.137$ . Hasil kajian ini perlu dititikberatkan sebagai satu panduan untuk memastikan para pelajar mendapat kepuasan dari segi gerak kerja terutamanya dapat meningkatkan lagi prestasi akademik dengan lebih berkualiti dan mengekalkan kesihatan dari segi fizikal dan mental semasa Pandemik COVID-19.

**Kata Kunci:** Kepuasan Kerja, Kualiti Hidup, Kesihatan Mental, Prestasi Akademik, Covid 19

## PENDAHULUAN

---

Penularan penyakit Corona Virus-19 pada awal bulan Mac 2020 di Malaysia yang semakin membimbangkan menyebabkan negara kita dikategorikan sebagai situasi pandemik. Perkataan pandemik membawa maksud kepada wabak yang menyerang di dalam skop yang lebih besar dan tidak terhad dengan sesuatu komuniti atau daerah (Fauzi Suhaimi, 2020). Covid-19 mula dilaporkan pada 6 Januari 2020 mengenai wabah “Pneumonia yang tidak diketahui puncanya pada akhir disember 2019 di bandar Wuhan, Hubei (WHO, 2020).

Manakala di Malaysia kes Covid-19 pertama di sahkan pada 25 Januari 2020 yang melibatkan beberapa orang pelancong dari China yang tiba di Johor dari Singapura. Kes dilaporkan pada awalnya sangat rendah dan kebanyakannya kes adalah kes dari pelancong luar. Namun, pada pertengahan Mac 2020, terdapat satu kluster tempatan yang muncul iaitu Kluster tabligh yang merupakan satu Kluster terbesar berlaku di Malaysia. Kes ini menyebabkan perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di sebabkan peningkatan kes yang semakin tinggi serta merebak hampir kesemua negeri di Malaysia.

Kesan daripada penularan wabak Covid-19 ini menyebabkan wujudnya beberapa impak yang negatif seperti dari segi isu kesihatan mental dan fizikal, ketidakstabilan prestasi terutamanya pelajar-pelajar sekolah dan Universiti, ketidakpuasan kerja dalam melakukan tugas dan menyelesaikan tugas mengikut kehendak dan masa yang ditetapkan serta penurunan kualiti hidup sepanjang pendemik ini berlaku secara berterusan.

### **Latar Belakang Kajian**

Kesan daripada pandemik Covid-19 di dalam Negara menyebabkan kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula daripada 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 merupakan satu langkah awal kerajaan untuk mengekang penularan kes jangkitan Covid-19 di dalam negara. Berikutan Perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tersebut pihak Kementerian Pendidikan telah mengumumkan penutupan semua sekolah dalam Malaysia iaitu bermula 18 Mac sehingga 31 Mac. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengetahui kepuasan kerja, prestasi akademik, kesihatan mental dan kualiti hidup dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Membakut II semasa pandemik melanda.

Azizi Yahaya et al (2007), menyatakan perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berpotensi untuk menjelaskan kesihatan kesihatan mental individu samaada yang tinggal sendiri atau bersama keluarga akibat daripada tekanan psikologi yang meliputi rasa takut, cemas, tertekan, bimbang dan murung. Manakala menurut beliau juga berdasarkan laporan Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia (IKPM) iaitu pada pertengahan tahun 2020 mencatat angka sederhana iaitu julat 7.1 namun angka tersebut semakin meningkat dua kali ganda selepas kajian tinjauan yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia yang melibatkan isu kesihatan mental di Malaysia.

Kesan daripada perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) juga menyebabkan Kementerian Pendidikan menyediakan perlbagai inisiatif serta portal pembelajaran seperti Webinar, Eduweb TV dan Didik TV untuk guru-guru serta para pelajar. Hal ini dilaksanakan bagi mengurangkan jumlah pelajar yang berkemungkinan terlepas atau tercicir banyak subjek disebabkan pelbagai aspek seperti ketidakcapaian Internet, tidak mempunyai gadget dan lain-lain. Kekangan dari pelbagai aspek membuatkan pelajar semakin tertekan dan mulai hilang fokus dan semangat untuk meneruskan sesi pembelajaran sehingga kebanyakan pelajar hanya menjawab atau menghantar kerja rumah di atas dasar keperluan sebagai syarat sahaja tanpa mengira kepentingan dan tujuan proses pembelajaran serta tujuan guru-guru memberikan kerja rumah. Perkara ini membuatkan semakin kurang pemahaman dan penghayatan serta kualiti pengetahuan pelajar terhadap sesuatu ilmu dan perkara (Rahayu et al, 2020).

### **Permasalahan Kajian**

Penutupan semua sekolah di Malaysia memberikan kesan yang besar terhadap kualiti, prestasi akademik dan kesihatan mental pelajar. Terutamanya penurunan kualiti terhadap pelajar yang menduduki peperiksaan besar seperti Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2020), mengumumkan pembatalan dua buah peperiksaan awam negara iaitu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3), manakala peperiksaan seperti Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) ditunda kepada suku pertama tahun 2021. Perkara ini membuatkan ramai pelajar sekolah khususnya

---

pelajar Sekolah Menengah menghadapi tekanan dari segi emosi, fizikal, mental dan kualiti hidup. Pelajar juga tidak dapat melakukan aktiviti harian seperti beriadah dan bersukan untuk melepaskan tekanan atau berinteraksi dengan rakan-rakan lain menyebabkan mereka berasa gelisah dan tertekan.

Menurut Hello Health Group (2021), wabak penyakit Covid-19 telah memberi impak terhadap sektor pendidikan dimana perubahan norma dari segi proses pembelajaran menjadi cabaran kepada pelajar sekolah dan Universiti. Hal ini kerana, berdasarkan tinjauan yang dilakukan oleh Pearson dan Wonkhe perubahan norma dari segi pendidikan memberikan kesan kepada kesihatan mental (Azizi Yahaya et al,2007). Cabaran yang wujud seperti kekangan kewangan, pembahagian tugas dan banyak lagi membuatkan pelajar kehilangan semangat dan kualiti untuk meneruskan proses pembelajaran, terutama sesi pembelajaran secara atas talian. Hasil tinjauan didapati pelajar mengalami kesukaran untuk mengekalkan hubungan diantara rakan dengan tenaga pengajar, kurang bersedia untuk melaksanakan tugas dan mengalami kesukaran dalam membahagikan masa semasa berada dirumah. Perkara ini menyebabkan kemerosotan dari segi prestasi akademik dan ketidakpuasan dalam melakukan sebarang pekerjaan.

### **Hipotesis Kajian**

Hipotesis 1: Jantina dan tempat tinggal bukan merupakan faktor kepada kepuasan kerja, kualiti hidup, kesihatan mental dan prestasi akademik di kalangan pelajar Sekolah Menengah Membakut II semasa pandemik Covid-19

Hipotesis 2: Faktor kepuasan kerja, kualiti hidup dan kesihatan mental merupakan peramal kepada prestasi akademik di Sekolah Kebangsaan Membakut II semasa pandemik covid-19

## **SOROTAN KAJIAN LEPAS**

### **Kepuasan Kerja**

Menurut Abdul. H dan Zuraini (2021), melalui perlaksanaan alternatif dapat memastikan guru-guru memantau perkembangan pembelajaran pekerja serta memastikan pelajar dapat memperbaiki mutu pembelajaran untuk mencapai satu kepuasan kerja iaitu dengan menyiapkan sebarang

tugasan yang diberikan dengan sebaik mungkin walaupun semasa pandemik Covid-19. Hal ini kerana, disebabkan pandemik guru-guru perlu merancang pentaksiran alternatif untuk menggantikan peperiksaan serta ujian bertulis untuk memastikan kesinambungan pembelajaran yang berkualiti sepanjang pembelajaran secara atas talian.

Kepuasan kerja boleh di dapat apabila sesi pembelajaran dilakukan dengan pelbagai aktiviti seperti kuiz dalam talian atau aktiviti lain yang tidak tertumpu dengan gaya pembelajaran tradisional untuk menilai penguasaan dan perkembangan pelajar. Berita Online (2021) menyatakan kebolehan pelajar untuk menerapkan sebarang pengetahuan, kemahiran serta pertimbangan semasa pembelajaran atas talian dapat mencapai satu kepuasan yang baik dalam mengekalkan momentum diri.

Menurut Mustaphah, J. and Rosli, R. (2021), menyatakan disebabkan oleh pandemik Covid-19, kebanyakan pelajar merungut disebabkan tidak memahami sesuatu subjek seperti subjek matematik. Hal ini menyebabkan perkara ini menjadi isu dikalangan pelajar sekolah yang disebabkan tidak dapat memahami bagaimana jalan pengiraan yang diajarkan oleh guru melalui pembelajaran atas talian. Kekangan ini membuatkan pelajar sukar untuk menumpukan perhatian serta membuat kerja rumah atau tugas berkaitan dengan subjek matematik.

### **Prestasi Akademik Pelajar.**

Menurut Abdul. et.al (2020), wabak Covid-19 telah memberi kesan yang sangat besar terhadap sistem Politik, Ekonomi, Sosial, Kesihatan dan Pendidikan di dalam negara sehingga melibatkan aspek kesihatan mental terhadap individu yang terlibat dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Hanita dan Norzaini (2018), yang melibatkan ketelitian hubungan keterlibatan murid dalam sokongan pembelajaran dan pencapaian akademik mengikut jantina. Kajian ini dilakukan bagi mengetahui sama ada perbezaan jantina mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Seperti yang diketahui iaitu perempuan mempunyai kecenderungan dalam mencapai kejayaan yang memberangsangkan dalam setiap akademik manakala lelaki hanya mempunyai mendominasi sesetengah perkara.

---

Nadi Negara (2019) di dalam artikel mengenai perkembangan Revolusi Industri 4.0 menyatakan sistem pembelajaran yang sedia ada memerlukan sistem yang fleksibel dan interaktif seperti mengadakan *Smart Class Room* yang perlu diperluaskan di setiap peringkat sekolah rendah, menengah mahupun institusi pengajian tinggi. Hal ini kerana dengan menggunakan sistem pembelajaran yang lebih interaktif dapat meningkatkan prestasi akademik pelajar iaitu melalui proses pembelajaran dan pengajaran yang lebih menarik perhatian khususnya dikalangan pelajar.

Prestasi akademik pelajar ditentukan oleh beberapa faktor iaitu secara internal ataupun eksternal dimana pelajar akan menghasilkan output yang berbeza-beza. Hal ini kerana, disebabkan berlakunya pandemik Covid-19 di seluruh dunia kemerosotan dari segi prestasi akademik semakin jelas disebabkan oleh beberapa faktor yang membuatkan pelajar hilang motivasi untuk meningkatkan akademik masing-masing. (Achmad. C, 2020).

### **Kesihatan Mental Pelajar**

Holmes et al (2020) dan Gunnell et al (2020), turut menyatakan bahawa Pandemik Covid-19 telah memberikan kesan terhadap kesihatan mental dan fizikal serta memberi impak tekanan dan trauma, kemurungan dan keimbangan. Terdapat juga kajian yang dijalankan oleh Zhang dan Ma (2020) untuk melihat kesan Covid-19 terhadap kualiti hidup manusia dalam kalangan penduduk di China iaitu dengan menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan 263 sampel kajian dan mendapati 52.1 peratus subjek telah menyatakan rasa bimbang dan takut dengan pandemik yang berlaku.

Tinjauan yang dilakukan oleh Persatuan Psikologi Amerika (APA) di Amerika Syarikat mendapati sebanyak 78 peratus rakyat dilaporkan mengalami rasa tertekan dalam hidup disebabkan oleh wabak Covid-19 dan 67 peratus rakyat lagi menyatakan peningkatan perasaan stress apabila tercetusnya wabak Covid-19. (APA,2020). Manakala tinjauan kajian yang dijalankan dalam Malaysia oleh Hemavathi et al (2020), mendapati kesan penjarakan fizikal yang menyebabkan individu duduk di rumah dalam jangka masa yang lama dan sekiranya suasana rumah yang tidak sihat akan menyumbang kepada tekanan terhadap seseorang individu tersebut.

### **Kualiti Hidup Pelajar**

Kualiti seorang pelajar hanya akan dapat dinilai berdasarkan proses pembelajaran secara bersemuka. Namun disebabkan penularan wabak, guru-guru sukar untuk menilai kualiti hidup serta pembelajaran setiap pelajar

Kesukaran yang dihadapi oleh pelajar semasa pandemik Covid-19 seperti gangguan dari keluarga, persekitaran, kurang kefahaman dan kesukaran untuk memahami perkara yang diajarn oleh guru-guru semasa proses pembelajaran atas talian membuatkan kualiti pembelajaran dan hidup seseorang semakin berkurangan. Hal ini disokong oleh pernyataan daripada Berita Online (2021) yang menyatakan kesukaran sesetengah pelajar terutamanya pelajar yang tinggal di kawasan kampung atau keluarga yang berpendapatan rendah akan mengalami kesukaran untuk mengikuti kaedah pembelajaran yang sedia ada pada masa ini. Perkara ini membuatkan ramai pelajar yang ketinggalan banyak mata pelajaran serta mereka menjadi tidak tentu arah mengenai beberapa perkara.

Menurut Helmi dan Ilhamie (2017) sesebuah organisasi perlu merancang dan memastikan kesediaan pelbagai sektor dan infrastruktur yang diperlukan untuk meningkatkan komunikasi terkini. Hal ini boleh dikaitkan dengan kualiti hidup yang dialami oleh pelajar apabila komunikasi secara atas talian merupakan satu perkara yang penting dalam menghubungkan pelajar dengan sesi pembelajaran serta interaksi bersama rakan-rakan yang lain. Kesediaan dalam menyediakan bahan-bahan serta bantuan alat pengajar amat diperlukan untuk memastikan pelajar dapat meningkatkan kualiti dari segi pembelajaran serta keberlangsungan hidup. Dimana mereka dapat bebas daripada memikirkan pelbagai perkara yang boleh menurunkan kualiti hidup yang sedia ada semasa pandemik ini berlaku.

## METODOLOGI

### **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian ditentukan berdasarkan tujuan. Reka bentuk kajian merupakan satu tatacara atau cara pengolahan data yang dikumpul berdasarkan satu perancangan yang khusus yang menggunakan konsep pembentukkan rangkaian di antara pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian. Reka bentuk kajian adalah menggunakan kaedah kuantitatif.

---

Dimana kaedah pemilihan sampel kajian menggunakan kaedah persempelan secara rawak di kalangan pelajar tingkatan satu hingga enam di Sekolah Menengah Membakut II.

### **Lokasi Kajian**

Menurut Aishah (2015), lokasi kajian merujuk kepada kawasan atau tempat suatu kajian dilakukan. Berdasarkan kajian ini lokasi kajian akan di jalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Membakut II.

### **Populasi kajian**

Populasi ialah sekumpulan besar individu yang dikaji dimana semua set individu, item atau data yang berkaitan dengan kajian. Populasi kajian adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan satu hingga enam di Sekolah Kebangsaan Membakut II.

### **Sampel kajian**

Sampel merupakan individu, item atau data yang telah dipilih daripada populasi yang berkaitan dengan kajian dimana anggaran parameter populasi dicapai berdasarkan ukuran yang diperolehi dari sampel. Jumlah pelajar di SMK Membakut II adalah sebanyak 438 pelajar (PPD Beaufort, 2021). Berdasarkan jadual Penentuan Saiz Sampel Morgan dan Krejcie (1970), anggaran sampel kajian adalah seramai 225 daripada 438 orang yang terdiri daripada Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Membakut II dipilih sebagai sampel kajian.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Borang soal selidik akan diedarkan melalui aplikasi *Whatsapp* dalam bentuk Google Form Survey. Dengan keadaan dan masa yang terhad penggunaan Google Form adalah cara yang paling sesuai digunakan. Manakala bahagian soalan soal selidik mempunyai lima bahagian yang terdiri daripada bahagian A, B, C, D dan E.

### **Bahagian A: Latar Belakang Responden**

Bahagian ini mengandungi item-item yang berkaitan dengan faktor demografi iaitu jantina, umur, tingkatan dan nama tempat tinggal (kampung). Responden perlu menjawab dengan menandakan pilihan jawapan pada ruangan jawapan yang disediakan mengikut maklumat yang disediakan.

### **Bahagian B: Soal Selidik Terhadap Kepuasan Kerja Pelajar**

Bahagian ini ialah soal selidik mengenai kepuasan kerja pelajar yang digunakan untuk mengetahui tahap kepuasan kerja yang dilakukan oleh pelajar semasa pandemik Covid-19. Bahagian soal selidik ini mengandungi 10 item soalan. Terdapat empat komponen yang meliputi 9 item soalan iaitu ciri-ciri pekerjaan, pengaruh tempat kerja, pengaruh reaksi dan masalah peribadi. Soal selidik yang digunakan dibangunkan oleh Scott McDonald & Peter MacIntyre. Penyelidik menggunakan pemeringkatan skala lima mata seperti berikut:

1. Sangat tidak setuju (STS)
2. Tidak setuju (TS)
3. Tidak tahu (TT)
4. Setuju (S)
5. Sangat setuju (SS)

**Jadual 1: Pembahagian Item Berdasarkan Kepuasan Kerja**

Komponen	No. Item	Jumlah
Ciri-Ciri Pekerjaan	5,7,8	3
Pengaruh Tempat Kerja	2,3,4,6,	4
Pengaruh Reaksi	1,9	2
Jumlah Item		9

### **Bahagian C: Soal Selidik Terhadap Prestasi Akademik Pelajar**

Bahagian ini ialah soal selidik mengenai prestasi akademik pelajar yang digunakan untuk mengetahui tahap prestasi pelajar semasa pandemik Covid-19. Bahagian soal selidik ini meliputi 19 item soalan dan 3 komponen item yang terdiri daripada kejayaan akademik, kawalan impuls dan produktiviti akademik. Soal selidik yang digunakan dibangunkan oleh DuPaul. Penyelidik menggunakan skala lima mata seperti berikut:

1. Sangat tidak setuju (STJ)
2. Tidak setuju (TS)
3. Tidak tahu (TT)
4. Setuju (S)
5. Sangat setuju (SS)

**Jadual 2: Pembahagian Item Berdasarkan Pencapaian Akademik**

Komponen Item	No. Item	Jumlah
Kejayaan akademik	1, 2	2

Kawalan Impuls	4,5,6,7	4
Produktiviti akademik	3,8,9,10,11,12,13,14,15,16,17	11
<b>Jumlah</b>		<b>17</b>

### **Bahagian D: Soal Selidik terhadap Kesihatan Mental Pelajar**

Bahagian ini ialah soal selidik mengenai kesihatan mental pelajar yang digunakan untuk mengetahui tahap kesihatan mental pelajar khususnya di Sekolah Menengah Membakut II semasa pandemik Covid-19. Bahagian soal selidik ini mempunyai 21 item dan terdiri daripada tiga komponen iaitu Kemurungan, Kebimbangan dan Tekanan. Soal selidik yang digunakan dibangunkan oleh Ramli Musa (2008). Penyelidik menggunakan pemeringkatan skala empat mata seperti:

1. Tidak langsung (TL)
2. Sedikit atau jarang-jarang (SJ)
3. Banyak atau kerapkali (BK)
4. Sangat banyak dan sangat kerap (SB)

**Jadual 3: Komponen Item Berdasarkan Kesihatan Mental**

Komponen item	No.item	Jumlah
Kemurungan	3,5,10,13,16,17,21	7
Kebimbangan	2,4,7,9,15,19,20	7
Tekanan	1,6,8,11,12,14,18	7
<b>Jumlah</b>		<b>21</b>

### **Bahagian E: Soal Selidik Kualiti Hidup Pelajar**

Bahagian ini ialah soal selidik mengenai kualiti hidup pelajar yang digunakan untuk mengetahui tahap kualiti hidup pelajar khususnya di Sekolah Menengah Membakut II. Bahagian soal selidik ini mempunyai 16 item. Soal selidik yang digunakan dibangunkan oleh Flanagan Version (1978). Penyelidik menggunakan pemeringkatan skala tujuh mata seperti:

1. Sangat tidak berpuas hati (STBH)
2. Tidak gembira (TG)
3. Tidak berpuas hati (TBH)
4. Neutral (N)
5. Sangat berpuas hati (SBH)
6. Gembira (G)
7. Sangat gembira (SG)

**Jadual 4: Pembahagian Item Berdasarkan Kualiti Hidup**

Komponen item	No.item	Jumlah
Kesejahteraan fizikal	1,2	2

**Interaksi Antara Kepuasan Kerja, Kualiti Hidup Dan Kesihatan Mental Sebagai Peramal Kepada Prestasi Akademik Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Membakut II Semasa Pandemik Covid-19**

Hubungan	3,4,5,6	4
Aktiviti sosial	7,8	2
Pemenuhan diri	9,10,11,12,13,14	6
Rekreasi	15,16	2
<b>Jumlah</b>		<b>16</b>

### **Tatacara Kajian**

Sebelum kajian dijalankan, pengkaji akan memberikan maklumat ringkas mengenai kajian untuk memberi maklumat asas tentang kajian yang dijalankan. Setiap responden diminta untuk menjawab semua soalan soal selidik yang diberikan. Masa yang di anggarkan untuk responden menjawab adalah selama 10 hingga 15 minit. Setelah selesai menjawab soal selidik, jawapan responden akan di hantar melalui *google form* yang disediakan oleh pengkaji. Adalah dimaklumkan bahawa semua maklumat akan di simpan dengan baik dan hanya digunakan untuk tujuan penyelidikan semata- mata. Pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih kepada responden sebagai tanda penghargaan pada akhir halaman *Google form survey*.

### **Kajian Rintis**

Kajian rintis dijalankan untuk mengenal pasti kesesuaian soal selidik. Kajian ini melibatkan pelajar tingkatan satu hingga enam di Sekolah Kebangsaan Membakut II, Membakut. Seramai 205 orang pelajar yang terdiri daripada tingkatan satu hingga enam diberikan borang soal selidik secara rawak. Kajian rintis ini bertujuan untuk memperoleh kesahan dan kebolehpercayaan terhadap item-item yang terdapat dalam soal selidik. Menurut Mahzan. A (2002), menyatakan ujian rintis dijalankan

bagi menentukan bahawa soalan yang diberikan responden sesuai dan mudah difahami oleh mereka. Kajian rintis ini juga dilakukan untuk memastikan item-item yang digunakan mempunyai kerangka rujukan yang sama di antara responden dan penyelidik.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Demografi Responden**

**Jadual 5: Taburan kekerapan dan Peratusan mengikut Demografi**

Demografi	Item	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	105	46.7
	Perempuan	220	53.3
Umur	13	16	7.1

14	22	9.8
15	32	14.2
16	60	26.7
17	60	26.7
18	35	15.6
Tempat Tinggal	Bandar	220
	Luar Bandar	5
Jumlah		225
		100.0

Responden kajian adalah terdiri daripada 225 orang pelajar daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Membakut II di Sabah yang terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan satu hingga enam. Latar belakang responden melibatkan aspek jantina, umur, tingkatan dan kampung dan kawasan tempat tinggal.

Jadual 5 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina. Seramai orang 105 (46.7 peratus) terdiri daripada kalangan pelajar perempuan manakala selebihnya iaitu orang 120 (53.3 peratus) adalah pelajar lelaki.

Taburan umur responden terbahagi kepada 6 ketagori iaitu bermula dari pelajar yang berumur 13 tahun sehingga 19 tahun. Taburan bilangan dan peratusan responden yang berumur 13 tahun mencatatkan sebanyak 16 orang (7.1 peratus). Pelajar berumur 14 tahun mencatatkan sebanyak 22 orang iaitu dengan 9.8 peratus. Seterusnya sebanyak 32 orang dengan 14.2 peratus merupakan pelajar berumur 15 tahun. Manakala pelajar berumur 16 dan 17 tahun masing-masing mencatatkan jumlah yang sama iaitu 60 orang pelajar dengan 26.7 peratus. Pelajar berumur 19 tahun mencatatkan sebanyak 35 orang dengan jumlah peratus 15.6 peratus.

Jadual 5 di atas juga menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut tempat tinggal. Seramai orang 220 (97.8 peratus) tinggal luar bandar manakala selebihnya iaitu orang 5 (2.2 peratus) adalah tinggal di bandar.

**Hipotesis 1: Jantina dan tempat tinggal bukan merupakan faktor kepada kepuasan kerja, prestasi akademik, kesihatan mental dan kualiti hidup di kalangan pelajar Sekolah Menengah Membakut II semasa pandemik Covid-19**

Jadual 6: Ujian Kesamaan bagi Matriks Konvarians

Interaksi Antara Kepuasan Kerja, Kualiti Hidup Dan Kesihatan Mental Sebagai Peramal Kepada Prestasi Akademik Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Membakut II Semasa Pandemik Covid-19

Box's M	F	df1	df2	sig
7.884	.773	10	213872.238	0.656

Menguji hipotesis nol konvarians cerapan bagi pemboleh ubah bersandar antara kumpulan adalah homogen

a. Design: Intercept + Jantina + kawasan Tempat Tinggal + Jantina \* kawasan Tempat Tinggal

Jadual 6 menunjukkan matriks kovarians antara kumpulan adalah homogen. Dalam jadual tersebut Box's M (7.884) menjelaskan bahawa terdapat kehomogenan matriks kovarians antara kumpulan dengan ( $F(10, 213872.238) = .773, p = 0.656$ ). Oleh itu, nilai  $p = .065$  menunjukkan bahawa data adalah homogen antara kumpulan dan berada dalam posisi yang baik.

**Jadual 7: Faktor jantina dan lokasi kepada kepuasan kerja, kualiti hidup, kesihatan mental dan prestasi akademik di kalangan pelajar Sekolah Menengah Membakut II semasa pandemik Covid-19.**

Analisa Manova 2 Hala							
		Value	F	Hypothesis df	Error df	Sig.	Partial Eta Squared
Jantina	Wilks' Lambda	.956	2.514 <sup>b</sup>	4.000	218.0	.043	.044
Kawasan Tempat Tinggal	Wilks' Lambda	.945	3.158 <sup>b</sup>	4.000	218.0	.015	.055
Jantina *	Wilks' Lambda	.966	1.945 <sup>b</sup>	4.000	218.0	.104	.034
KawasanTempat Tinggal	Lambda						

a. Design: Intercept + Jantina + KawasanTempatTinggal + Jantina \* KawasanTempatTinggal

b. Exact statistic

c. Statistik adalah batas atas pada F yang menunjukkan hasil batas bawah pada aras signifikan.

Rajah 7 menunjukkan analisis manova mengenai jantina dan tempat tinggal. Dapatan analisis menunjukkan bahawa perbezaan bagi jantina adalah signifikan ( $\text{Wilk}'\Lambda = .956, F(4.218) = 2.514, p=0.43$ , separa  $\eta^2 = 0.044$ ). Manakala perbezaan bagi kawasan tempat tinggal mencatatkan signifikan ( $\text{Wilk}'\Lambda = .945, F(4.218) = 3.158, p= 0.15$ , separa  $\eta^2 = 0.055$ ). Kajian menunjukkan kesan signifikan di antara jantina dan tempat tinggal keseluruhannya mencatatkan tidak signifikan ( $\text{Wilk}'\Lambda = .966, F(4.218) = 1.945, p=0.104$ , separa  $\eta^2 = 0.044$ ). oleh itu, keputusan analisis ini menunjukkan hipotesis nol diterima. Ini bermakna tidak perbezaan hubungan yang signifikan di antara jantina dan tempat tinggal bukan merupakan faktor kepuasan kerja, prestasi akademik, kesihatan mental dan

kualiti hidup di kalangan pelajar Sekolah Menengah Membakut II semasa pandemik Covid-19.

**Hipotesis 2: Faktor kepuasan kerja, kualiti hidup dan kesihatan mental merupakan peramal kepada prestasi akademik di Sekolah Kebangsaan Membakut II semasa pandemik covid-19.**

Jadual 8: Analisis Regresi Berganda untuk faktor kepuasan kerja, kualiti hidup dan kesihatan mental merupakan peramal kepada prestasi akademik di Sekolah Kebangsaan Membakut II semasa pandemik covid-19

Mode 1	R	R Square	Adjusted R Square	Ringkasan Model					
				Std. Error of the Estimate	R Square Change	F	Change Statistics beta	t	sig
1	.255 <sup>a</sup>	.065	.061	.957	.065	15.571	0.149	2.587	.000
2	.305 <sup>b</sup>	.093	.085	.945	.028	6.779	0.195	2.516	.010
3	.332 <sup>c</sup>	.110	.098	.938	.017	4.317	- 0.167	- 2.078	.039

a. Peramal: (Tetap), Kualiti Hidup (kesejahteraan diri)

b. Peramal: (Tetap), Kualiti Hidup (kesejahteraan diri), Kepuasan Kerja (pengaruh reaksi)

c. Peramal: (Tetap), Kualiti Hidup (kesejahteraan diri), Kepuasan Kerja (pengaruh reaksi), Kesihatan Mental (tekanan)

Pemboleh Ubah Bersandar: Prestasi Akademik

Model 1:  $F(1, 223) = 15.571, p < 0.05$

Model 2:  $F(1, 222) = 11.337, p < 0.05$

Model 3:  $F(1, 221) = 9.137, p < 0.05$

Berdasarkan Jadual 8, analisis model 1 kualiti hidup (kesejahteraan hidup)  $R^2$  adalah 0.065.  $R^2$  yang lebih kecil, menunjukkan pemboleh ubah tidak bersandar (kualiti hidup - kesejahteraan diri) kurang dapat menjelaskan pemboleh ubah bersandar (prestasi akademik),  $F(1, 223) = 15.571, p < 0.05$ . Dilihat daripada jadual tersebut, kualiti hidup - kesejahteraan diri ( $\beta = 0.149, t=2.587, \text{Sig} = 0.000$ ). Ini bermakna model tersebut hanya menyumbang 6.5 peratus sebagai peramal. Ia juga disokong oleh analisis varians, yakni  $p = 0.000$  adalah jauh lebih rendah daripada aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05. Ini bermakna faktor kualiti hidup (kesejahteraan diri) merupakan sebanyak 6.5 peratus sebagai bukan peramal terhadap prestasi akademik di Sekolah Kebangsaan Membakut II semasa pandemik covid-19.

Sementara itu, analisis perubahan nilai  $R^2$  model 2 kepuasan kerja (pengaruh reaksi) adalah 0.028.  $R^2$  yang lebih kecil, kurang dapat menjelaskan pemboleh ubah tidak bersandar (kepuasan - kesejahteraan diri) untuk menerangkan pemboleh ubah bersandar (prestasi akademik),  $F(1, 222) = 11.337$ ,  $p < 0.05$ . Apabila dilihat daripada beta, faktor kepuasan kerja (pengaruh reaksi) adalah ( $\beta = 0.195$ ,  $t=2.516$   $Sig = 0.010$ ). Ini bermakna model tersebut hanya menyumbang sebanyak 9.3 peratus sebagai peramal. Kesimpulannya juga disokong oleh analisis varians, yakni nilai  $P = 0.010$  adalah jauh lebih rendah daripada aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05. Dapatkan ini menunjukkan bahawa dua peramal, iaitu kualiti hidup (kesejahteraan diri) dan kepuasan kerja (pengaruh reaksi) dapat menyumbang 9.3 peratus sebagai bukan peramal terhadap prestasi akademik di Sekolah Kebangsaan Membakut II semasa pandemik covid-19.

Di samping itu, analisis model 3 kesihatan mental (tekanan),  $R^2$  adalah 0.017.  $R^2$  yang lebih kecil, kurang dapat digunakan oleh pemboleh ubah tidak bersandar (kesihatan mental - tekanan) untuk menerangkan pemboleh ubah bersandar (prestasi akademik),  $F(1, 221) = 9.137$ ,  $p < 0.05$ . Apabila dilihat daripada jadual 7, beta bagi faktor kesihatan mental (tekanan) adalah ( $\beta = -0.167$ ,  $t=-0.2.078$ ,  $Sig = 0.039$ ). Ini bermakna model tersebut hanya menyumbang 11.0 peratus sebagai peramal. Kesimpulannya juga disokong oleh analisis varians, yakni nilai 0.039 adalah jauh lebih rendah daripada aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.05. Dapatkan ini menunjukkan bahawa tiga peramal iaitu, seperti yang ditunjukkan oleh ketiga-tiga model kualiti hidup (kesejahteraan diri), kepuasan kerja (pengaruh reaksi) dan kesihatan mental (tekanan) menyumbang 11.0 peratus sebagai bukan peramal terhadap pemboleh ubah bersandar prestasi akademik di Sekolah Kebangsaan Membakut II semasa pandemik covid-19.

## **PERBINCANGAN**

**Hipotesis 1: Jantina dan tempat tinggal bukan merupakan faktor kepada kepuasan kerja, prestasi akademik, kesihatan mental dan kualiti hidup di kalangan pelajar Sekolah Menengah Membakut II semasa pandemik Covid-19**

---

Dapatkan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jantina dan tempat tinggal sebagai faktor kepuasan kerja, prestasi akademik, kesihatan mental dan kualiti hidup di kalangan pelajar Sekolah Menengah Membakut II semasa pandemik Covid-19. Analisis Manova menunjukkan kesan signifikan di antara jantina dan tempat tinggal keseluruhannya menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara jantina dan tempat tinggal sebagai faktor kepuasan kerja, prestasi akademik, kesihatan mental dan kualiti hidup di kalangan pelajar Sekolah Menengah Membakut II semasa pandemik Covid-19.

Oleh kerana keputusan analisis manova menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara jantina dan tempat tinggal sebagai faktor kepuasan kerja, prestasi akademik, kesihatan mental dan kualiti hidup di kalangan pelajar Sekolah Menengah Membakut II semasa pandemik Covid-19. Maka ini dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kepuasan kerja, prestasi akademik, kesihatan mental dan kualiti hidup terhadap prestasi akademik pelajar Sekolah Menengah Membakut II semasa pandemik Covid-19. Ini bermakna jantina dan tempat tinggal secara umumnya tidak dipengaruhi dengan kepuasan kerja, prestasi akademik, kesihatan mental dan kualiti hidup terhadap prestasi akademik pelajar. Hasil kajian ini di sokong oleh kajian yang di jalankan oleh Azmi (2005) iaitu tidak terdapat perbezaan dari segi faktor tekanan kerja yang di alami oleh subjek yang berlainan jantina. Ini menunjukkan faktor jantina dan tempat tinggal tidak memberi pengaruh terhadap prestasi akademik pelajar.

Hanita dan Norzaini (2018) menyatakan dapatan daripada kajian yang dilakukan mendapati pelajar perempuan mempunyai min sokongan dan pencapaian akademik yang lebih baik berbanding lelaki. Hal ini menurut beliau disebabkan pelajar perempuan mempunyai persepsi yang lebih tinggi terhadap penglibatan dan sokongan dalam pembelajaran. Manakala kajian yang dilakukan oleh Lam et al (2012) menyatakan bahawa terdapat perbezaan jantina dalam hubungan dan keterlibatan pelajar dan pencapaian. Hal ini disebabkan ketidakselaruan dapatan disebabkan perbezaan lokasi dan latar belakang pelajar. Linder (1999) menyatakan keterlibatan di dalam aktiviti fizikal dan keputusan pencapaian akademik mendapati pelajar perempuan lebih baik daripada pelajar lelaki. Hal ini kerana mereka menganggap diri mereka mempunyai prestasi yang tinggi.

---

## **Hipotesis 2: Faktor kepuasan kerja, kualiti hidup dan kesihatan mental merupakan peramal kepada prestasi akademik di Sekolah Kebangsaan Membakut II semasa pandemik covid-19.**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara kepuasan kerja, kualiti hidup dan kesihatan mental dengan prestasi akademik pelajar. Analisis Regresi berganda menghasilkan dapatan yang menunjukkan Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa Kualiti hidup memberi sumbangan sebanyak  $65.0 = p < 0.00$  dan  $F(1.23) = 15.571$ . Ini menunjukkan kualiti hidup memberi sumbangan terhadap Pencapaian akademik. Manakala, gabungan Kualiti hidup dan Kepuasan kerja memberikan sumbangan sebanyak  $0.28 = p < 0.00$  dan  $F(2.222) = 11.377$ . Gabungan Kepuasan Kerja dan Kesihatan Mental memberikan sebanyak  $0.17 = p < 0.00$  dan  $F(3.221) = 9.137$ .

Oleh kerana keputusan analisis menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan, maka ini dirumuskan bahawa kepuasan kerja, kualiti hidup dan kesihatan mental merupakan bukan peramal kepada prestasi akademik pelajar SMK Membakut II semasa pandemik covid-19.

Berdasarkan hipotesis yang dikaji, didapati hubungan yang signifikan di antara kepuasan kerja, kualiti hidup dan kesihatan mental terhadap prestasi akademik semasa Pandemik covid-19. Ini bermakna prestasi akademik pelajar di pengaruhi oleh tahap kepuasan kerja, kualiti hidup dan kesihatan mental. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Cristina Andin dan Irwan (n.d) seramai 78 peratus pelajar mengalami masalah kewangan terutamanya dalam membeli buku rujukan dan buku teks. Hal ini kerana, perlaksanaan PKP membuatkan banyak sekolah dan perpustakaan di tutup untuk membendung wabak daripada terus merebak. Perkara ini menyukarkan pelajar untuk mencari bahan rujukan dan mengulang kaji seperti sediakala dan perlu membeli buku rujukan untuk memahami penerangan yang disampaikan oleh guru semasa dalam kelas secara atas talian. Kekangan kewangan menyebabkan kepuasan kerja pelajar menjadi semakin menurun disamping kualiti gerak kerja yang tidak mengikuti standard. Begitu juga dari segi kesihatan mental dimana tekanan dari segi kewangan, pelajaran dan persekitaran menyebabkan pelajar mengalami kemurungan sehingga memberi impak terhadap prestasi akademik. Masalah capaian internet juga menyumbang kepada faktor kepuasan kerja, kualiti hidup dan kesihatan mental terhadap prestasi akademik pelajar.

---

kajian yang dilakukan oleh Holmes et al (2020) dan Gunnell et al (2020) menyatakan bahawa pandemik covid-19 telah memberikan kesan terhadap kesihatan mental dan fizikal serta memberikan tekanan, trauma, kemurungan dan kebimbangan. Menurut Zhang dan Ma (2020), sebuah kajian dijalankan dengan melibatkan 263 sampel mendapati 52.1 peratus subjek menyatakan perasaan bimbang dan takut dengan pandemik yang berlaku.

Manakala berdasarkan kajian daripada Di Renzo et al. (2020) menemui separuh daripada populasi di Itali menyatakan individu yang terkesan dengan Pandemik covid-19 berasa resah dan bimbang. Mok Soon Sang (2000) menyatakan pelajar-pelajar yang mempunyai kualiti hidup yang tinggi seperti kestabilan emosi dan hubungan yang erat dengan keluarga dapat memberi perhatian yang lebih teliti terhadap proses pelajaran.

## PENUTUP

Secara keseluruhannya bab ini telah membincangkan dengan lebih jelas tentang hasil dapatan kajian. Terdapat beberapa keputusan yang selari dengan dapatan kajian-kajian lepas dan sebaliknya terdapat juga keputusan yang berbeza dengan kajian-kajian lepas. Melalui kajian ini, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa sebahagian besar pelajar SMK Membakut II di Daerah Membakut mencapai tahap kepuasan, kualiti hidup, kesihatan mental dan prestasi akademik semasa Pandemik covid-19 adalah pada tahap sederhana. Namun yang demikian, hanya sebilangan kecil sahaja daripada mereka sahaja yang tidak mencapai kepuasan dari segi kerja, kualiti, kesihatan mental dan prestasi akademik. Hal ini adalah berdasarkan keputusan kajian yang mendapati bahawa tahap kepuasan, kualiti hidup, kesihatan mental dan prestasi akademik semasa Pandemik covid-19 di daerah Membakut adalah pada tahap yang sederhana.

## RUJUKAN

Abdul Aziz, Abdul Rashid; Mohd Sukor, Nurhafizah; Ab Razak, Nor Hamizah. Wabak Covid- 19: Pengurusan Aspek Kesihatan Mental Semasa Norma Baharu. International Journal Of Social Science Research, [S.L.], V. 2, N. 4, P. 156-174, Dec. 2020. ISSN 2710-6276. Available At:

- <<Https://Myjms.Mohe.Gov.My/Index.Php/Ijssr/Article/View/11594>>.
- Achmad. C (2020. N.D). *Pengaruh Pembelajaran Online Terhadap Prestasi Siswa Kelas 5 Dan 6 Mi Ma’arif Gedangan, Kec Tuntang, Kab Semarang Tahun Ajaran 2020/2021.* <Http://ERepository.Perpus.Iainsalatiga.Ac.Id/9793/1/Skripsi%20achmad%20chairudin%2023040160168.Pdf>
- Ahmad, A. (2002). *Pemasalahan Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Dikalangan Pelajar-Pelajar Bumiputera Di Kawasan Luar Bandar.*
- Abdul. H Dan Zuraini. (2021. Januari. 24). Guru Perlu Kreatif Taksir Murid Dalam Norma Baharu. <Https://Www.Bharian.Com.My/Rencana/Komentar/2021/01/779528/Guru-Perlu-Kreatif-Taksir-Murid-Dalam-Norma-Baharu>
- Azizi Yahaya, Jamaludin Ramlil, Abdul Latif Ahmad, Zurhana Muhammad. (2007). *Buli.* Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya, Sri Kartika Abd Rahman, Abu Bakar Madin, Hanapi Mohamad, Suraya Tarasat dan Baharudin Mohd Arus. (2017). *Membuat Penyelidikan Dengan Mudah.* (1st ed). Bandar Seri Begawan. UNISSA Press.
- Azizi Yahaya, Yusof Boon, Shahrin Hashim, Mohammad Sharif Mustaffa, Zurhana. (2008). Indeks Perlakuan Buli di Kalangan Pelajar-Pelajar di Sekolah Menengah dan Rendah di Malaysia.
- Berita Harian. (2021. Januari. 24). *Guru Perlu Kreatif Taksir Murid Dalam Norma Baharu.* <Https://Www.Bharian.Com.My/Rencana/Komentar/2021/01/779528/Guru-Perlu-Kreatif- Taksir-Murid-Dalam-Norma-Baharu>
- Berita Harian. (2021, Januari 12). *Kronologi Pelaksanaan Fasa Pkp.* <Https://Www.Bharian.Com.My/Berita/Nasional/2021/01/775155/Kronologi-Pelaksanaan-Fasa-Pkp>
- Di Renzo L, Gualtieri P, Cinelli G, Bigioni G, Soldati L, Attinà A, Bianco Ff, Caparello G, Camodeca V, Carrano E, Ferraro S, Giannattasio S, Leggeri C, Rampello T, Lo Presti L, Tarsitano Mg, De Lorenzo A. (2020). *Psychological Aspects And Eating.*
- Fauzi Suhaimi. “Fahami perbezaan epidemik, endemic dan pandemic”. 17 April 2020, <https://www.astroawani.com/beritamalaysia/fahami-perbezaan-epidemik-endemik-dan-pandemik-233401>.

- 
- Gunnell, D., Appleby, L., Arensman, E., Hawton, K., John, A., Kapur, N., Khan, M., O'connor, R. C., & Pirkis, J., & Covid-19 Suicide Prevention Research Collaboration (2020). *Suicide Risk And Prevention During The Covid-19 Pandemic*. *The Lancet Psychiatry*, 7(6), 468–471. [Https://Doi.Org/10.1016/S2215-0366\(20\)30171-1](Https://Doi.Org/10.1016/S2215-0366(20)30171-1)
- Hanita. Y Dan Norzaini. A (2018. November. 21). *Pencapaian Akademik Murid Lelaki Dan Perempuan: Peranan Sokongan Pembelajaran Dan Keterlibatan Murid*. Malaysian Journal Of Learning And Instruction: Vol. 15 (No. 2) Dec 2018: 257-287.  
<Http://Mjli.Uum.Edu.My/Images/Vol.15no.2/257-287new.Pdf>
- Hemavathi Shanmugam, et al. (2020). *Impacts Of Covid-19 Pandemic On Mental Health In Malaysia: A Single Thread Of Hope*. Malaysia Journal Of Psychiatry Online Early. 29(1). <Https://Www.Mjpsychiatry.Org/Index.Php/Mjp/Article/View/536>
- Helmi Akhtar & Ilhamie Abdul Ghani Azmi (2017). Komunikasi kepimpinan berkesan. *Jurnal Syariah*, 25(3): 531-562
- Holmes Ea, O'connor Rc, Perry Vh, Tracey I, Wessely S, Arseneault L, Et Al. (2020) *Multidisciplinary Research Priorities Or The Covid-19 Pandemic: A Call For Action For Mental Health Science*. *Lancet Psychiatry*, 7 (6), 547–60. Doi: 10.1016/S2215- 0366(20)30168-1
- Mahzan. A (N.D). Bab 3: *Metodologi Kajian*.  
[Http://Studentsrepo.Um.Edu.My/3212/5/Bab\\_3.Pdf](Http://Studentsrepo.Um.Edu.My/3212/5/Bab_3.Pdf)
- Mustapah, J. and Rosli, R. (2021) “Tahap Kepuasan Pembelajaran Matematik Atas Talian Semasa Pandemik COVID 19”, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(4), pp. 1 - 20. doi: 10.47405/mjssh.v6i4.752.
- Nadi Negara. (2019. Febuari.21). *Revolusi Industri 4.0 Dalam Pendidikan*.  
<Http://Www.Nadinegara.Com/Uncategorized/Revolusi-Industri-4-0-Dalam-Pendidikan/>
- Retno Puji Rahayu & Yanty Wirza. Teachers’ Perception of Online Learning during Pandemic Covid-19. Volume 20, Nomor 3, 392 - 406
- World Health Organization (2020, Mac 31). *Coronavirus Disease (Covid-19) Advice For The Public*.  
<Https://Www.Who.Int/Emergencies/Diseases/Novel-Coronavirus-2019/Advice-For-Public>

- 
- Zhang, Y. & Ma, Z. F. (2020, Mac 31). *Impact Of The Covid-19 Pandemic On Mental Health And Quality Of Life Among Local Residents In Liaoning Province, China: A Cross-Sectional Study*. International Journal Of Environmental And Public Health, 17, 2381. Doi: 10.3390/Ijerph17072381